

AMLAMED 5 TABLET

AMLAMED 10 TABLET

Amlodipine (5mg)

Amlodipine (10mg)

Apa yang terkandung dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Tablet Amlodipine
2. Bagaimana Tablet Amlodipine berfungsi
3. Sebelum pengambilan Tablet Amlodipine
4. Bagaimana untuk mengambil Tablet Amlodipine
5. Semasa sedang menggunakan Tablet Amlodipine
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tablet Amlodipine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Tablet Amlodipine

Sebagai rawatan untuk ketidakselesaan di dada, sakit dada / untuk menurunkan tekanan darah.

2. Bagaimana Tablet Amlodipine berfungsi

Tablet Amlodipine ialah sejenis dihidropyridin penghalang saluran-kalsium (dihidropyridine calcium-channel blocker). Ia digunakan di dalam pengurusan tekanan darah tinggi dan sakit dada.

3. Sebelum Pengambilan Tablet Amlodipine

- Bila tidak boleh mengambil

Tablet Amlodipine tidak boleh diambil oleh individu yang mengalami alahan terhadap amlodipine, dihidropyridine lain atau bahan tidak aktif yang lain.

Kegagalan jantung

Tablet Amlodipine kurang berkesan berbanding diuretik Chlorthalidone yang menghalang berlakunya kegagalan jantung berfungsi.

Porphyria

Dengan penggunaan Tablet Amlodipine bagi pesakit yang menghidap porphyria gangguan metabolisme porfirin yang dikategorikan sebagai penambahan pembentukan dan perembesan porfirin oleh penggalak boleh turut berlaku.

- Sebelum mula mengambil

Sila dapatkan nasihat doktor terlebih dahulu.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Tablet Amlodipine boleh diambil secara serentak bersama dengan Thiazide, penghalang alfa (Alpha-blockers), penghalang beta (Beta-blockers), Perencat ACE (ACE Inhibitors), Nitrat yang berfungsi untuk jangka masa panjang, Sublingual Glyceryl Trinitrate, NSAIDs, Antibiotik dan Antidiabetik Oral.

Ubat-ubatan yang tidak boleh diambil bersama Tablet Amlodipine:

Cimetidine, jus limau gedang, Aluminium/Magnesium (antacids), Sildenafil, Atorvastatin, Digoxin, Ethanol (alkohol), Warfarin, Cyclosporine.

4. Cara menggunakan Tablet Amlodipine

Kebiasaannya Tablet Amlodipine diambil secara oral

Patuhi setiap arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi.

Ia mungkin berbeza berbanding arahan yang tercatat didalam risalah ini.

Jika anda tidak dapat memahami arahan yang tercatat didalam risalah ini, sila rujuk doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Bagi tekanan darah tinggi, dos kebiasaan yang digunakan ialah 5 mg sekali sehari, tingkatkan, jika perlu, kepada 10mg sekali

sehari. Dos yang sama diberikan untuk merawat sakit dada dan juga angina Prinzmetal. Dos asal yang lebih rendah boleh digunakan untuk pesakit yang lebih tua dan mereka yang mengalami kegagalan buah pinggang berfungsi.

Pengambilan untuk kegagalan hati berfungsi.

Bagi pesakit yang mempunyai masalah hati: doktor anda mungkin akan memulakan rawatan dengan dos yang rendah.

- Bila perlu digunakan

Tablet Amlodipine selalunya diambil ketika atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil Tablet Amlodipine sebaik sahaja teringat. Tetapi, jika masa untuk dos seterusnya hampir tiba, abaikan dos yang tertinggal itu. Dilarang menggandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan [terlebih dos]

Jika anda terambil terlalu banyak, pergi ke hospital bahagian kemalangan yang berdekatan atau beritahu doktor anda serta merta. Bawa bersama bekas dan lebihan tablet. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Terlebih mengambil ubat boleh mengakibatkan tekanan darah rendah di paras bahaya dan tumbang, dan denyutan jantung perlahan yang mana boleh disertai dengan perubahan ritma jantung dan berlakunya konduksi atau perpindahan haba. Anda juga boleh merasa pening atau penat,

penglihatan kabur, sakit dada, nafas pendek, pengsan, pergerakan pantas dengan tiba-tiba, koma, percakapan tidak lancar dan kekeliruan.

5. Semasa menggunakan Tablet Amlodipine

- Perkara yang perlu dilakukan

Sila berhenti mengambil Tablet Amlodipine jika mengalami ketidakselesaan atau kesakitan yang melampau berlaku sebaik sahaja mengambilnya.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan.

Tablet Amlodipine boleh meningkatkan risiko kegagalan jantung berfungsi bagi pesakit yang mengalami penyempitan salur aorta yang serius. Pemberhentian pengambilan Amlodipine secara tiba-tiba mungkin boleh dikaitkan dengan angina yang teruk. Bagi pesakit yang menghidap kegagalan hati berfungsi, dos mungkin harus dikurangkan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Tablet Amlodipine seharusnya digunakan dengan berhati-hati bagi pesakit yang menghidap tekanan darah rendah, bagi pesakit yang mempunyai lemah jantung dan gagal berfungsi kerana keadaan jantung semakin sukar berfungsi dapat diperhatikan.

6. Kesan-Kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Tablet Amlodipine boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang berikut:

Kesan sampingan yang paling biasa berlaku ialah pembengkakan di buku lali, kemerahan di muka, sakit kepala, ruam kulit dan kelesuan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat

Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Tablet Amlodipine

- Penyimpanan

Simpan pada suhu bawah 30°C. Lindungi dari cahaya dan kelembapan. Terdapat dalam dalam pek 3 x 10's, 10 x 10's, dan 50 x 10's.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

- Amlomed 5: Keputih-putihan, bulat, tablet tidak bersalut
- Amlomed 10: Keputih-putihan, bulat, tablet tidak bersalut dengan garisan di satu sisi dan permukaan licin di satu sisi yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Amlodipine 5mg: Amlodipine Besylate USP equivalent to Amlodipine 5mg
- Amlodipine 10mg: Amlodipine Besylate USP equivalent to Amlodipine 10mg.

Bahan tidak aktif:

Microcrystalline Cellulose, Dibasic Calcium Phosphate, Crospovidone, Sodium Starch Glycolate, Sodium Lauryl Sulphate, Colloidal Anhydrous Silica, Magnesium Stearate.

- Nombor MAL.

MAL07090925AZ

MAL07090927AZ

Pengilang

SAI MIRRA INNOPHARM PVT. LTD
Plot no. 288 & 299, SIDCO Estate,
Ambattur, Chennai 600 098, India
Manufacturing License no.: 224

Pemegang Pendaftaran Produk

MEDIDATA SDN BHD (33924-T)
36, Jalan PJS 8/6, Sunway Mentari,
46150 Petaling Jaya, Selangor D.E.
Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

Disember 2020

Nombor Siri

NPRA(R/1)210125/607